

Sime Darby Property Catat Peningkatan Keuntungan 32% Tahun ke Tahun pada Q1 TK2026

Disokong oleh momentum jualan yang kukuh dan kepelbagaian produk

- PBT dan PATAMI masing-masing meningkat kepada RM236.3 juta dan RM158.8 juta;
- Mengekalkan momentum jualan sebanyak RM918.9 juta;
- Jualan belum dibil meningkat kepada RM4.1 bilion, menyediakan keterlihatan hasil melebihi tempoh tiga tahun akan datang.

ARA DAMANSARA, 26 Mei 2026 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mencatatkan prestasi memberangsangkan bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2026 (“Q1 TK2026”), disokong oleh momentum jualan yang berterusan, kepelbagaian produk dan jualan belum dibil yang kukuh, meneruskan prestasi teguh Syarikat pada penghujung TK2025.

Bagi suku dalam tinjauan, Syarikat telah mencatatkan hasil sebanyak RM799.2 juta, manakala keuntungan operasi (“OP”) meningkat kepada RM234.3 juta, naik 24% tahun ke tahun (“YoY”) berbanding Q1 TK2025. Keuntungan sebelum cukai (“PBT”) dan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) turut mencatatkan peningkatan YoY masing-masing sebanyak 32% dan 34% kepada RM236.3 juta dan RM158.8 juta.

Segmen Pembangunan Hartanah (“PD”) kekal sebagai penyumbang terbesar kepada prestasi Syarikat dengan merekodkan hasil dan PBT masing-masing sebanyak RM722.5 juta dan RM209.3 juta. PBT bagi suku tersebut disokong oleh keuntungan nilai saksama yang diiktiraf susulan penyiapan pusat data hyperskala pertama Syarikat yang dibina khas untuk disewa, di samping prestasi jualan yang berterusan serta sumbangan stabil daripada perbandaran utama termasuk Bandar Bukit Raja, City of Elmina, Serenia City, Elmina Business Park dan Nilai Impian. Segmen ini mencapai jualan sebanyak RM918.9 juta bagi suku tersebut, mencerminkan permintaan berterusan merentasi pembangunan-pembangunannya.

Segmen Pelaburan & Pengurusan Aset (“IAM”) mencatatkan hasil sebanyak RM53.9 juta dengan PBT berjumlah RM16.5 juta. Prestasi yang lebih baik ini didorong oleh kekuatan operasi yang berterusan merentasi portfolio runcit termasuk KL East Mall, Elmina Lakeside Mall dan Kuala Lumpur Golf & Country Club (“KLGCC”) Mall, di samping sumbangan daripada aset perindustrian di Gateway 1 dan 2 di Bandar Bukit Raja.

UNTUK SIARAN SEGERA

Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Dato' Seri Azmir Merican berkata, "Kami memulakan tahun ini dengan asas yang kukuh. Peningkatan keuntungan sebanyak 32% pada suku ini disokong oleh momentum jualan yang berterusan merentasi kelas aset kami serta prestasi mantap daripada segmen Pembangunan Hartanah dan Pelaburan & Pengurusan Aset. Keputusan ini terus mengukuhkan peralihan strategik kami ke arah memperluaskan sumber pendapatan berulang serta mengekalkan portfolio yang pelbagai."

Pelancaran dan Jualan Q1 TK2026

Sepanjang suku tersebut, Syarikat melancarkan pembangunan dengan jumlah Nilai Pembangunan Kasar ("GDV") kira-kira RM563.4 juta. Produk perindustrian menyumbang sebanyak 92% daripada pelancaran tersebut, berjumlah RM515.9 juta, sekali gus mengukuhkan fokus berterusan Syarikat terhadap penawaran perindustrian di kawasan pertumbuhan strategik. Antara pelancaran utama ialah Masterpiece Collection Series 2 di Bandar Bukit Raja 3 yang menampilkan 40 unit kilang berkembar dua tingkat dengan GDV sebanyak RM255.5 juta. Produk kediaman bertanah pula menyumbang baki 8% daripada pelancaran dengan nilai RM47.5 juta, didorong oleh pelancaran Arina 2 di Bandar Ainsdale yang merangkumi 123 unit rumah setingkat. Sementara itu, jumlah tempahan keseluruhan mencecah RM1.1 bilion setakat 17 Mei 2026, sekali gus menyediakan saluran pertumbuhan yang kukuh bagi suku kedua.

Syarikat merekodkan jualan sebanyak RM918.9 juta bagi Q1 TK2026, mewakili 23% daripada sasaran penuh tahun sebanyak RM4.0 bilion, sekali gus menggambarkan permintaan yang sihat merentasi semua pembangunannya. Produk perindustrian terus menjadi teras prestasi jualan dengan sumbangan sebanyak RM487.0 juta atau 53% daripada jumlah jualan, diikuti oleh kediaman bertanah sebanyak RM219.7 juta (24%), kediaman bertingkat tinggi sebanyak RM157.6 juta (17%) dan produk komersial sebanyak RM52.6 juta (6%). Prestasi ini menunjukkan permintaan berterusan terhadap penawaran perindustrian dan kediaman yang strategik dalam perbandaran matang dan mapan milik Syarikat.

Pencapaian Kewangan / Operasi Lain

Jualan belum dibil Syarikat setakat 31 Mac 2026 berjumlah RM4.1 bilion, menyediakan keterlihatan hasil dan aliran tunai yang jelas untuk tempoh melebihi tiga tahun akan datang. Sime Darby Property terus menjana aliran tunai operasi yang positif, dengan nisbah penggearing bersih sebanyak 37%, menyokong pelaburan berterusan serta fleksibiliti operasi.

UNTUK SIARAN SEGERA

Syarikat turut meneruskan momentum kejayaannya ke tahun 2026, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam sektor pembangunan hartanah Malaysia. Pada majlis *StarProperty Awards 2026 – Real Estate Developer Edition* baru-baru ini, Sime Darby Property mengekalkan kedudukan nombor satu bagi kategori ‘All-Stars’ buat tahun keempat berturut-turut, mewakili pengiktirafan tertinggi acara tersebut bagi kecemerlangan dan inovasi.

Perkembangan Korporat Utama

Dengan berakhirnya SHIFT25, Sime Darby Property kini memasuki fasa transformasi seterusnya menerusi SHIFT32, yang menandakan evolusi Syarikat ke arah menjadi sebuah syarikat hartanah serantau yang pelbagai dan terkemuka. Fasa ini dibina berasaskan teras yang telah diwujudkan sepanjang lima tahun lalu dengan memberi tumpuan kepada kecekapan modal dan pengukuhan keupayaan platform, di samping memperluaskan jejak Syarikat merentasi geografi dan segmen aset.

Syarikat telah menyiapkan dan menyerahkan pusat data hyperskala pertamanya di Elmina Business Park, dengan hasil sewaan mula diiktiraf bermula S2 TK2026. Pencapaian ini turut meningkatkan Aset di Bawah Pengurusan (“AUM”) kepada RM4.4 bilion dan akan terus memperkukuh pendapatan berulang serta keterlihatan hasil. Pada Januari 2026, Syarikat melancarkan Elmina Business Park 2 seluas 600 ekar di Selangor dengan anggaran GDV sebanyak RM2.0 bilion. Fasa pertamanya yang terdiri daripada 19 lot perindustrian pegangan bebas dengan GDV RM260.4 juta telah menerima sambutan menggalakkan, mencerminkan permintaan kukuh terhadap tanah perindustrian pegangan bebas yang mempunyai jaringan lebuhraya yang baik di Lembah Klang Utara.

Prospek TK2026

Ketika Syarikat memasuki tahun penuh pertama di bawah strategi transformasi SHIFT32, ia kekal fokus untuk mencapai sasaran TK2026 menerusi pelaksanaan berdisiplin, permintaan berterusan merentasi segmen utama serta pengukuhan berterusan asas pendapatan berulang. Dengan sasaran jualan RM4.0 bilion dan saluran pelancaran yang dirancang sekitar RM4.7 bilion dalam GDV merentasi pasaran domestik dan antarabangsa, Sime Darby Property berada pada kedudukan yang kukuh untuk mengekalkan momentum sepanjang baki tahun ini.

“Meneruskan asas dan pencapaian SHIFT25, kami memasuki tahun pertama strategi SHIFT32 dengan fokus yang jelas terhadap pelaksanaan berdisiplin, pengukuhan portfolio



UNTUK SIARAN SEGERA

dan pengembangan platform hartanah kami. Meskipun berdepan dengan ketidaktentuan geopolitik dan peningkatan tekanan kos, kami terus mengambil pendekatan yang pragmatik dan berhati-hati dalam menghadapi potensi ketidaktentuan jangka pendek sambil meletakkan Syarikat pada landasan pertumbuhan jangka panjang,” kata Dato’ Seri Azmir Merican mengakhiri kenyataan.

-TAMAT SIARAN MEDIA-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman melebihi 50 tahun, Sime Darby Property telah berkembang daripada pemaju komuniti terancang yang dipercayai kepada sebuah syarikat hartanah yang berpandangan ke hadapan, membentuk ekosistem yang mampan bagi menyokong cara masyarakat hidup, bekerja dan berkembang maju. Syarikat telah lama menetapkan penanda aras dalam aspek kualiti, inovasi dan kelestarian, menerusi pembangunan kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 28 perbandaran serta projek di seluruh Malaysia.

Perniagaan Syarikat adalah berteraskan dua segmen utama: Pembangunan Hartanah, yang kekal sebagai peneraju pasaran dalam pembangunan perbandaran dan projek bersepadu; serta Pelaburan & Pengurusan Aset, yang memberi tumpuan kepada penciptaan nilai jangka panjang melalui pemilikan dan pengurusan aset secara strategik.

Selaras dengan strategi SHIFT32, Sime Darby Property sedang mempercepatkan peralihan daripada pemaju hartanah konvensional kepada syarikat hartanah yang lebih pelbagai, dengan fokus yang lebih kepada peningkatan aliran pendapatan berulang. Syarikat terus menerajui segmen industri dan logistik melalui pembangunan utama seperti Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Hamilton Nilai City, serta menjadi pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang menubuhkan dana pembangunan dalam sektor ini.

Sebagai sebuah organisasi yang berperanan sebagai “Force for Good”, Syarikat komited untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, sejajar dengan sasaran berasaskan sains untuk menghadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebagai penyokong kukuh prinsip ESG, Sime Darby Property merupakan konstituen Indeks MSCI ACWI Small Cap dengan penarafan ESG MSCI BBB, dinilai oleh CDP (Carbon Disclosure Project), serta tersenarai dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah, sekali gus mencerminkan komitmennya terhadap amalan ESG yang baik. Melalui badan dermanwannya, Yayasan Sime Darby, Syarikat terus memberi impak sosial yang bermakna dan berkekalan kepada semua komuniti dibawah seliaannya.

Sime Darby Property telah menerima pelbagai pengiktirafan, termasuk dinobatkan sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di ‘The Edge Malaysia’s Top Property Developers Awards’ oleh The Edge Malaysia bagi tahun 2024 dan 2025. Antara pencapaian lain termasuk anugerah tertinggi di The Edge Malaysia Best Managed & Sustainable Property Awards 2025, kemenangan di FIABCI World Prix d’Excellence Awards, StarProperty Awards, Malaysia Developer Awards, Putra Brand Awards, PropertyGuru Asia Awards Malaysia, serta tersenarai dalam Fortune Southeast Asia 500 bagi tahun 2025 untuk tahun kedua berturut-turut—mencerminkan kepimpinan berterusan Syarikat dalam industri.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com.

Kontak Media:

- Hannah Rafee | +6017-878 8090 | hannah.rafee@simedarbyproperty.com
- Norsyahmee Rizal Norazman | +6019-777 3829 | syahmee.norazman@simedarbyproperty.com
- Hanie Nasir | +6019-725 7015 | hanie.afiegah@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com.